

Misi 'peningkatan berterusan' mutu pendidikan tinggi

DARI KACA MATA

➔ **Datuk Seri Idris Jusoh**
Menteri Pendidikan Tinggi



Sebelum tidur beberapa hari lalu, saya menerima mesej WhatsApp daripada Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Profesor Tan Sri Dr Amin Jalaludin. Beliau memberitahu bahawa UM telah berjaya dinobatkan sebagai universiti ke-27 terbaik di Asia menurut 'QS University Rankings Asia 2016' yang baharu diumumkan. Ini adalah tahun ketiga berturut-turut UM memperbaiki kedudukannya, daripada tempat ke-29 pada 2015 dan ke-32 pada 2014.

Pada hari berikutnya, saya juga menerima berita daripada Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datin Paduka Dr Aini Ideris, bahawa UPM juga meningkat 17 tangga, daripada tangga ke-66 pada 2015 ke tangga ke-49 pada tahun ini. Buat kali pertama, UPM berada di kedudukan 50 teratas di Asia!

Selain UM dan UPM, tiga Universiti Penyelidikan (UP) yang lain berada dalam kelompok 100 terbaik di Asia, iaitu Universiti Sains Malaysia (51), Universiti Kebangsaan Malaysia (55) dan Universiti Teknologi Malaysia (63). Dua universiti swasta juga berjaya terse-narai dalam kelompok 200 terbaik di Asia, iaitu Universiti Teknologi PETRONAS (127) dan Universiti Taylor's (179). Tahniah diucapkan kepada semuanya.

Dalam beberapa penulisan saya sebelum ini, saya banyak berkongsi kisah kejayaan pendidikan tinggi. Laungan *soaring upwards* atau 'peningkatan berterusan', yang menjadi slogan Kementerian Pendidikan Tinggi, wujud sebagai pengiktirafan realiti bahawa pendidikan tinggi negara sedang bertambah baik.

Projek Universiti Penyelidikan
Hakikatnya, kejayaan ini tidak dicapai dalam sekelip mata tetapi hasil usaha yang tapaknya telah disemai sejak beberapa tahun lalu. Pada 2006, Menteri Pendidikan Tinggi ketika itu, Datuk Seri Mustapa Mohamed, memperkenalkan projek UP.

Projek UP bertujuan meningkatkan keupayaan penyelidikan dan penerbitan serta hasil universiti awam (UA), termasuk memacu landskap pendidikan tinggi Malaysia ke tahap tinggi. Projek UP dimodelkan daripada usaha diambil negara seperti Korea Selatan yang menunjukkan pencapaian luar biasa, dengan mereka sendiri memperkenalkan universiti berstatus penyelidikan.

Alhamdulillah, dalam tempoh 10 tahun, kelima-lima Universiti Penyelidikan negara, iaitu UM, UPM, USM, UKM dan UTM bukan sahaja cemerlang dalam negara, tetapi juga mencipta nama dalam landskap pendidikan tinggi global.

Semuanya berada dalam kedudukan satu peratus universiti terbaik di dunia, menawarkan subjek dalam kelompok 50 dan 100 terbaik dunia (seperti pengajian pembangunan dan kejuruteraan elektrik), mempunyai penyelidikan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan berjaya menghasilkan bakat bertaraf dunia.